

## **SAMPLE MODULES WITH VIDEO LINKS**

(Modul-modul yang lengkap disertakan dengan pautan video yang berkaitan - INI HANYA CONTOH)

### **MODUL CONTOH - KARANGAN / RUMUSAN / TATABAHASA**

#### **Contoh Pengenalan UNiK**

#### **Isu : DASAR 1MURID 1SUKAN**

**Dasar 1Murid 1Sukan telah dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi Malaysia.**

**Bincangkan faedah-faedah daripada dasar ini.**

Demi nusa dan bangsa, Datuk Lee Chong Wei dan Pandelega Rinong telah melakukan yang terbaik di Sukan Olimpik London 2012. 'Teruja' - begitulah perasaan saya setiap kali menatap gambar jaguh-jaguh sukan negara merangkul kejuaraan antarabangsa. Pingat emas serta trofi yang dibawa pulang oleh mereka bukan sahaja menjadi lambang kebanggaan ahli keluarga mereka, malah turut menjadi simbol kemegahan kita sebagai rakyat Malaysia. Meskipun negara kita menjadi tanah air kepada kebanyakan atlet bertaraf antarabangsa namun, sedarkah kita bahawa tidak ramai generasi muda yang mengikut jejak langkah bintang-bintang internasional ini? Seperti yang kita sedia maklum, pemuda dan pemudi di negara kita lebih gemar bersosial di kompleks-kompleks beli-belah. Bagi menangani gejala ini daripada terus berleluasa di negara kita, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil langkah bijak dengan memperkenalkan Dasar 1Murid 1Sukan. Program ini wajar diberi sambutan oleh semua pelajar di negara kita kerana membawa seribu satu masalahat.

**For related video, press control & click / klik di sini sambil tekan control**

<http://www.youtube.com/watch?v=QsnOL7irjy4>

#### **Isu : GEJALA SOSIAL REMAJA**

**Pelbagai gejala sosial dalam kalangan remaja hari ini dikatakan berpunca dari rumah.**

**Bincangkan fenomena ini.**

012, 013, 016, atau 017? Nombor-nombor (telefon bimbit) seumpama ini menjadi sebahagian daripada identiti remaja kini. Mereka seolah-olah tidak boleh hidup tanpa telefon bimbit, tanpa sms (sistem pesanan ringkas) dan internet. Akibatnya, golongan ini terdedah pada pelbagai gejala negatif. Bayangkan, jika bilangan remaja yang terbabit

dengan gejala-gejala sosial seperti penagihan dadah, gengsterisme, vandalisme, dan jenayah terus meningkat, apakah yang akan berlaku? Mula-mula masa depan golongan remaja sendiri akan menjadi tanda tanya. Kemudian maruah keluarga pula terjejas. Iklim persekolahan menjadi tidak kondusif. Masyarakat tidak dapat menjalani kehidupan yang aman dan sejahtera, dan akhir sekali imej negara bakal tercalar. Soalnya sekarang, mengapakah golongan ini kian kehilangan pedoman dan hala tuju dalam kehidupan?

Kebanyakan gejala sosial dalam kalangan remaja hari ini dikatakan berpunca dari rumah, daripada kepincangan institusi keluarga. Hal ini kerana ibu bapa tidak memberi kasih sayang yang cukup kepada anak-anak. Mereka tidak meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak di rumah. Kuantiti masa yang dibelanjakan bersama anak-anak juga kian hari kian menurun akibat kesibukan mereka dengan tugas seharian, karier, atau perniagaan. Ada juga kalangan ibu bapa yang terlalu bersikap materialistik dan mementingkan kebendaan semata-mata. Mereka hidup berkiblatkan wang, bertuhankan material hingga mengabaikan tanggungjawab asas sebagai ibu dan bapa. Tidak dapat dinafikan bahawa kesibukan ibu bapa ini juga dapat dikaitkan dengan kos hidup dan inflasi yang terus meningkat di negara kita. Jadi, hal inilah yang menyebabkan ibu bapa tergamak mengalpakan tugas 'melentur buluh' di rumah dan akibatnya anak-anak terjebak ke dalam pelbagai gejala negatif seperti menjadi penagih dan pengedar dadah, gengster dan penjenayah. ... BERSAMBUNG

## Penutup

Kata orang tua-tua, 'Di mana ada kemahuan di situ ada jalan' perlulah dijadikan pedoman oleh pelbagai pihak yang tampil untuk melaksanakan peranan masing-masing. Sistem pendidikan mestilah lebih seimbang dan menggalakkan kelahiran generasi yang holistik, yang cemerlang dari segi akademik, fizikal, mental, emosi dan spiritual. Para guru harus menjadi suri teladan dan contoh yang berpersoanaliti unggul untuk diteladani oleh warga sekolah ini. Ibu bapa pula patut memberi sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam hal ini. Masyarakat wajiblah lebih prihatin terhadap generasi akan datang yang bakal menerajui Satu Malaysia, di mana rakyat senantiasanya didahulukan. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pula wajarlah diperluas untuk merangkumkan lebih ramai remaja dan belia ke arah melahirkan generasi yang positif.

## Perbendaharaan kata

diprogram	=	dimasukkan dengan (unsur-unsur positif)
virus	=	program komputer yang direka bagi memusnahkan fungsi sesuatu komputer
kondusif	=	sesuai
tercalar	=	terjejas
hala tuju	=	matlamat, wawasan
kepincangan	=	masalah, kebejatan
materialistik	=	mementingkan kebendaan

berkiblatkan	=	berfokuskan, berTuhankan
inflasi	=	kenaikan harga barang yang berterusan
sahsiah	=	peribadi
munasabah	=	logik, boleh diterima
muram	=	tidak aktif
agresif	=	kasar sifatnya
serasi	=	sependapat, sejajar, sesuai
kecelaruan minda	=	kekeliruan dalam pemikiran
bertembung	=	berdepan, berjumpa
meringkuk	=	(terpaksa) tinggal
holistik	=	bersifat menyeluruh

For related video, press control & click / klik di sini sambil tekan control  
<http://www.youtube.com/watch?v=B57u7SEp3DQ>

## RUMUSAN

### Teknik menulis kesimpulan ... Guna S-A-M = Siapa - Apa - Mengapa

Soalan : Faedah-faedah penerokaan angkasa lepas dan cara-cara untuk menarik minat masyarakat terhadap bidang penerokaan angkasa lepas

#### S-A-M

- Siapa - semua pihak
- Apa - haruslah bekerjasama memajukan ...
- Mengapa - agar imej Malaysia ...

Kesimpulannya, **semua pihak** haruslah **bekerjasama memajukan** industri angkasa lepas **agar** imej Malaysia terus meningkat.

Soalan : kepentingan berpeluh kepada manusia dan cara-cara menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh ...

#### S-A-M

- Siapa - setiap individu
- Apa - haruslah bersenam ...
- Mengapa - supaya kesihatan ...

Kesimpulannya, **setiap individu** wajarlah **bersenam** secara tetap **supaya** kesihatan diri terjamin.

For related video, press control & click / klik di sini sambil tekan control  
<http://www.youtube.com/watch?v=GktKInxpcfww>

## **TATABAHASA**

**3c. Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

**Sektor pelancongan di Malaysia yang mengalami penumbuhan pesat telah melipat gandakan pendapatan negara menerusi pengaliran masuk wang asing.**

### **Kesalahan**

### **Pembetulan**

**melipat gandakan  
penumbuhan**

**- melipatgandakan  
- pertumbuhan**

**Walaupun negara kita telah mencapai merdeka namun kita perlulah sentiasa berwaspada untuk menghadapi ancaman neokolonialisma.**

### **Kesalahan**

### **Pembetulan**

**neokolonialisma  
merdeka**

**- neokolonialisme  
- kemerdekaan**

## **Kesalahan-kesalahan ejaan yang penting ...**

<b>social</b>	> <b>sosial</b>
<b>jalanraya</b>	> <b>jalan raya</b>
<b>anti-dadah</b>	> <b>antidadah</b>
<b>proAmerika</b>	> <b>pro-Amerika</b>
<b>tahun 1990an</b>	> <b>tahun 1990-an</b>
<b>mee segera</b>	> <b>mi segera</b>
<b>petroleum</b>	> <b>petroleum</b>
<b>multi media</b>	> <b>multimedia</b>
<b>bio-teknologi</b>	> <b>bioteknologi</b>

For related video, press control & click / klik di sini sambil tekan control  
[http://www.youtube.com/watch?v=xVP2nm\\_7qrQ](http://www.youtube.com/watch?v=xVP2nm_7qrQ)

Sekian, terima kasih kerana minat anda !

Daftar segera di [www.cikgusuguz.com.my](http://www.cikgusuguz.com.my) dan buat bayaran untuk mendapatkan 8 Modul yang lengkap.

[www.cikgusuguz.com.my](http://www.cikgusuguz.com.my)